

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG TACK [BENTONG]

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah 'deadline' untuk semua sisa radioaktif WLP dipindahkan dari tapak kilang Lynas memandangkan AELB sendiri menyatakan ia perlu disegerakan disebabkan risiko banjir. Nyatakan pelan 'emergency response' sekiranya banjir besar di Gebeng pada tahun 2012 berlaku sekali lagi esok.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) telah mengenakan syarat dalam lesen Lynas, di mana PDF yang dibina hanya menempatkan residu *Water Leach Purification* (WLP) yang sedia ada dan sebarang residu WLP yang akan dihasilkan dari *Lynas Advanced Material Plant* (LAMP) sehingga Julai 2023. Semua residu yang berada di tapak kilang Lynas akan dipindahkan ke PDF selepas ianya siap dibina.

Tuan Yang di-Pertua,

Kawasan Perindustrian Gebeng di mana premis Lynas berada adalah bebas daripada ancaman banjir. Semasa kejadian banjir besar pada tahun 2014, kawasan ini tidak terjejas dengan bencana banjir. Perkara

NO. SOALAN : 12

ini disokong berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), kawasan sekitar Gebeng mencatatkan jumlah hujan sebanyak 86.2 mm bagi bulan Januari dan 66.1 mm untuk bulan Februari. Jumlah ini adalah masing-masing 65% dan 46% lebih rendah daripada paras normal. Sehubungan dengan itu, METMalaysia tidak menjangkakan sebarang banjir besar akan berlaku pada masa terdekat di kawasan tersebut lebih-lebih lagi dengan Monsun Timur Laut yang telah berada dalam fasa akhir.

AELB juga turut menjalankan pemantauan secara berkala termasuk semasa Monsun Timur Laut dan berdasarkan pemerhatian ke atas kawasan kilang tersebut didapati kejadian banjir tidak berlaku dan kemungkinan kawasan kilang Lynas ditenggelami banjir amat rendah.

Walau bagaimanapun, di bawah pelan kecemasan Lynas, Lynas mempunyai satu sistem bersepadu kawalan air hujan (Stormwater Integrated System) yang akan berfungsi sekiranya berlaku kejadian lebihan air di LAMP ketika hujan lebat atau takungan air yang banyak di LAMP. Sistem ini akan mengepam air yang bertakung di permukaan kawasan penstoran sementara (RSF) untuk residu WLP dan akan mengalirkannya ke *water retention tank* yang akan merawat air tersebut dalam sistem tertutup. Air tersebut akan disimpan ke dalam sistem tersebut dan tidak akan dilepaskan ke persekitaran.

Sekian, terima kasih.